


Horizon Baharu

Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) FASA 1

SHAHIENA AZLI BINTI ABDUL
AZIS

UNIT INOVASI KEJURUTERAAN
BIPPK CREATE



KANDUNGAN FASA 1:

1. Pengenalan
2. Bidang Inovasi dalam KIK dan Kategori Inovasi
3. Kriteria Projek yang Berpotensi untuk Dikembangkan
4. Pembentukan Kumpulan
5. Pembolehdaya Pembangunan Inovasi yang Berkesan
6. Teknik dan Kaedah Penghasilan Projek

EVOLUSI KIK

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam.
Bilangan 7 Tahun 1991.
Panduan Mengenai Kumpulan Meningkat
Mutu Kerja (**KMK**).

Panduan Mengenai
Kumpulan Inovatif Dan
Kreatif (**KIK**),
1 November 2009

Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil 1/2016
Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi
dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu
Kumpulan Inovatif dan Kreatif (**KIK**)

1991

2009

2016

Menyelesaikan masalah kualiti
dan produktiviti di tempat kerja
melalui konsep pengurusan
secara penyertaan
(*participative management*)


Disesuaikan dengan
perubahan yang berlaku serta
penekanan kepada aspek
inovasi dan kreativiti


Menambah baik pengurusan KIK agar
pelaksanaannya memenuhi konsep
Cepat, Tepat, Integriti – Produktiviti,
Kreativiti dan Inovasi (CTI–PCI) serta
menyokong Strategi Lautan Biru
Kebangsaan, prinsip Inovasi Nilai (*Value
Innovation*) dan konsep Merakyatkan
Perkhidmatan Awam (MPA)



**PANDUAN PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN INOVASI
SEKTOR AWAM MELALUI HORIZON BAHARU KIK**

KERANGKA PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN INOVASI DALAM SEKTOR AWAM MELALUI HORIZON BAHARU KIK






BIDANG INOVASI DALAM KIK, KATEGORI INOVASI DAN TAHAP KEBERHASILAN

INOVASI SOSIAL



BIDANG INOVASI DALAM KIK

Ciri-ciri inovasi sosial :



Pendekatan eksperimen yang berdasarkan kepada bukti dan penemuan hasil pelaksanaan prototaip secara berulang untuk mendapatkan hasil yang terbaik



Jalinan rangkaian yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu-individu dalam masyarakat



Pembangunan inisiatif baharu oleh agensi Kerajaan bersama-sama rakyat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang menepati keperluan sebenar mereka


BIDANG INOVASI DALAM KIK

INOVASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN



shutterstock.com • 233374288

Ciri-ciri inovasi penyampaian perkhidmatan :




Inovasi Penciptaan

Penciptaan suatu produk,
perkhidmatan atau proses yang
baharu dan belum pernah
dilaksanakan di Malaysia



Inovasi Penambahbaikan

Penambahbaikan sesuatu
produk, perkhidmatan atau
proses sedia ada melalui kaedah
yang inovatif agar menjadi lebih
berkualiti serta berdaya saing



KATEGORI INOVASI

KRITERIA PROJEK KIK

KREATIF DAN INOVATIF

Idea baharu yang kreatif diterjemahkan melalui penghasilan projek berinovatif yang memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan

IMPAK POSITIF YANG TINGGI DAN MENYELURUH

Organisasi - peningkatan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan

Pelanggan - Menepati standard perkhidmatan dan memenuhi ekspektasi pelanggan

Rakyat - Memastikan keperluan sosial rakyat dipenuhi

PULANGAN NILAI TERBAIK

- **Penjimatan kos** melalui pengoptimuman penggunaan sumber
- Penjanaan atau peningkatan pendapatan

REPLIKASI

- Projek berpotensi diadaptasi secara terus atau diubahsuai mengikut keperluan agensi
- Agenda replikasi perlu diambil kira di peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek

PENGKOMERSIALAN

- Penciptaan dan penyampaian nilai baharu kepada pelanggan di pasaran
- Projek berupaya bersaing di pasaran serta mampu menjana pendapatan
- Agenda pengkomersialan perlu diambil kira di peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek



PEMBENTUKAN KUMPULAN KIK

KIK PRIMER

01

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada **sekurang-kurangnya dua (2)** orang tetapi **tidak melebihi sepuluh (10)** orang daripada **agensi sama** yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK.

KIK HIBRID

02

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada **dua (2) atau lebih agensi yang bersilang fungsi** yang bekerjasama untuk melaksanakan projek. Bilangan ahli tertakluk kepada **skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan** projek KIK Hibrid.

KOMPONEN KUMPULAN KIK



KETUA KUMPULAN

Ketua kumpulan adalah daripada salah seorang ahli KIK. Persetujuan bersama hendaklah dicapai ketika proses pemilihan agar tidak timbul sebarang isu yang boleh menjasaskan perkembangan kumpulan.



AHLI-AHLI

Keahlian KIK terbuka kepada semua anggota dalam organisasi. Bagi KIK Hibrid, keanggotaan kumpulan yang mewakili jabatan/agensi masing-masing hendaklah seimbang atau pada bilangan yang munasabah.

Nota

Agensi yang terlibat dalam KIK Hibrid digalakkan untuk menyediakan suatu memorandum bersama bertulis bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara



FASILITATOR

Pelantikan fasilitator bergantung kepada keperluan kumpulan. Unit Inovasi agensi masing-masing boleh memberikan khidmat sebagai fasilitator.

Nota

Pelantikan fasilitator bukan merupakan suatu kemestian.



PEMBOLEH DAYA PEMBANGUNAN INOVASI YANG BERKESAN

01

PEMANFAATAN JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI

Menilai dan memantau keberkesanan \ projek KIK

Mengenal pasti projek KIK yang berpotensi untuk tujuan pendaftaran hak cipta dan pengkomersialan

Memutuskan penetapan kadar agihan pendapatan hasil pengkomersialan kepada KIK dan agensi

Memutuskan pelantikan ejen untuk pengkomersialan

Memperakukan penyertaan projek KIK ke pertandingan KIK peringkat kebangsaan

Memperakukan penyertaan projek KIK ke pertandingan inovasi di peringkat tempatan atau antarabangsa

02

PERANAN UNIT INOVASI

Mendaftar kumpulan KIK dan keahliannya

Merancang dan menyelaras pelaksanaan program-program berunsurkan peningkatan inovasi dan kreativiti secara terancang dan sistematik

Sebagai fasilitator kumpulan (bagi kumpulan yang tidak melantik fasilitator secara khusus)

Menyediakan perakuan projek KIK untuk kelulusan Jawatankuasa Pemandu Inovasi

Mengurus dan menyelaras penyertaan KIK ke pertandingan pada peringkat tempatan atau antarabangsa

Memuat naik maklumat KIK dalam Hab Inovasi Sektor Awam (HISA)

Memudah cara urusan pengembangan projek KIK


Mengurus perlindungan harta intelek projek

Mengurus permohonan perolehan dana, khidmat rundingan dan pelantikan ejen daripada agensi-agensi berkaitan pengkomersialan

03

PERUNTUKAN KEWANGAN


Memperuntukkan sekurang-kurangnya sepuluh peratus (10%) daripada peruntukan latihan untuk membiayai aktiviti pembudayaan inovasi dan pelaksanaan KIK termasuk urusan latihan, pertandingan, replikasi dan pengkomersialan

**04**

FASILITI

Bilik atau ruang khusus disediakan bagi memudahkan ahli KIK melaksanakan aktiviti dalam suasana yang kondusif. Penyediaan ruang yang selesa membantu ahli KIK menjana idea yang lebih kreatif dan inovatif.

Kumpulan juga diberikan kemudahan untuk menggunakan peralatan dan kelengkapan sedia ada dengan persetujuan Ketua Jabatan.




KOMPETENSI KIK

Bagi memastikan projek yang dihasilkan berkualiti, ahli KIK perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran berfikir secara kreatif, kemahiran mangaplikasi kaedah dan teknik dalam penghasilan projek dan pengetahuan berkaitan pengembangan projek.


Ahli KIK juga perlu diberi latihan bagi meningkatkan kemahiran dalam penyediaan dokumentasi, pembentangan projek dan penggunaan alatan multimedia.




Design Thinking




SCAMPER Technique



Design Sprint



Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy)



TEKNIK DAN KAE DAH PENGHASILAN PROJEK

Penggunaan teknik dan kaedah adalah **fleksibel** dan mengikut **kesesuaian projek** yang dirancang



TERIMA KASIH

.... Perkongsian ilmu seterusnya

**HORIZON BAHARU KUMPULAN
INOVATIF DAN KREATIF**

- FASA 2

